

→ DASAR & PENTADBIRAN

Peta Malaysia dikemas kini selepas 38 tahun

→ Bentang pemetaan perairan, sempadan baharu ke PBB tahun depan

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Malaysia dijangka mempunyai peta baharu selepas 38 tahun tidak dikemaskini berikutan pembentangan pemetaan antara sempadan dan perairan negara ke Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB), tahun depan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sedang mengemas kini maklumat pemetaan untuk menentukan perbatasan Malaysia dengan negara jiran iaitu Brunei dan perairan di Laut China Selatan.

Beliau berkata kajian, pengukuran, pengumpulan data saintifik

dan penyediaan dokumen tuntutan dengan kerjasama pelbagai pihak, dikenali sebagai Kumpulan Kerja Pelantar Benua dan Pasukan Teknikal Pelantar Benua sudah siap sepenuhnya.

Isu tuntutan bertindih

Katanya, pihaknya menjangkakan pertikaian dengan pihak berkepentingan dalam isu tuntutan bertindih hanya di perairan Sabah dan

Sarawak, membabitkan baki kawasan yang membenarkan Malaysia membuat tuntutan.

"Kali terakhir pemetaan negara kita pada 21 Disember 1979. Proses dokumen dan laporan peta Malaysia baharu sudah siap dan akan dibentangkan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada satu tarikh, yang belum ditetapkan.

"Apabila tuntutan di PBB selesai, kita akan ada satu peta Malaysia

baharu secara rasmi membabitkan perairan Sabah dan Sarawak," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Bulanan NRE Terakhir (Disember) 2017 dan pelancaran *Coffee Table Book : From Borders To Boundaries : The JUPEM Story*, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah JUPEM, Datuk Seri Mohd Noor Isa.



[FOTO ASWADI ALIAS/BH]

Wan Junaidi (tengah) bersama Mohd Noor Isa (kanan) dan Azizan pada perasmian Perhimpunan Bulanan NRE Terakhir (Disember) 2017 dan pelancaran 'Coffee Table Book: From Borders To Boundaries : The JUPEM Story', di Kuala Lumpur, semalam.